

Maklumat Komoditi : Kobis

Penyediaan Tanah

Penyediaan Tanah

Bagi Tanaman Ulangan

Rumpai dan tapak tanaman sayur daripada tanaman sebelumnya diracun dengan glufosinate amonium pada kadar 2.5 mt Ground Magnesium Limestone (GML) ditabur pada kadar 5 tan / ha jika perlu berpandukan kepada pH tanah. Batas atau kawasan dibajak putar dengan menggunakan alat rotovator dan batas diperbaiki atau disediakan mengikut saiz 1.2 m lebar dan 20 hingga 30 cm tinggi. Panjang batas mengikut luas kawasan tanaman. Baja organik iaitu tahi ayam ditabur atas batas pada kadar 3 hingga 5 tan/hektar.

Bagi Kawasan Baru

Kawasan perlu dibersihkan, tunggul-tunggul dikumpul dan dibuang. Kawasan seterusnya dibajak. Pembajakan dijalankan sebanyak dua kali bergantung kepada keadaan tanah. GML ditabur pada kadar 3 – 5 tan/ha berpandukan kepada pH tanah. Tanah dibajak putar dengan alat rotovator sebanyak dua kali. Seterusnya batas dibuat mengikut ukuran 1.2 m lebar, 20 -30 cm tinggi dan panjang mengikut luas kawasan. Tahi ayam ditabur diatas batas pada kadar 3 – 5 tan / ha untuk tanah menereal, 15 – 20 tan /ha tanah berpasir dan 1 tan/ha untuk tanah gambut.